

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

TARIKH : 18 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan pelan jangka panjang dan jangka pendek untuk membolehkan WPKL bebas daripada banjir termasuk banjir kilat yang sering melanda bila hujan turun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan YB Bukit Bintang ini dijawab bersama soalan-soalan dari YB Kota Raja dan YB Sungai Petani mengenai perancangan pengurusan banjir di Kuala Lumpur. Sebelum itu izinkan saya mengulas pernyataan YB Kota Raja yang telah menarik perhatian kepada kematian yang berlaku dalam banjir besar yang melanda Lembah Klang di penghujung tahun lalu. Kita sememangnya amat berdukacita dengan korban nyawa yang berlaku dan bagi kejadian banjir di Kuala Lumpur, kita bersyukur **tiada** yang terkorban.

Mengenai padangan daripada YB Sungai Petani bahawa banjir yang berlaku terlalu kerap menjejaskan imej negara, saya berharap YB Sungai Petani dapat memberikan pandangan yang adil dan saksama, dan kita akan melakukan yang terbaik untuk mencari jalan penyelesaian. Dengan mengambil kira fenomena perubahan iklim global yang ekstrem.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka sebuah **Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022** yang merangkumi tindakan serta merta, jangka pendek, sederhana dan panjang.

Tindakan serta-merta yang telah diambil di kawasan banjir kilat bagi memastikan kelancaran air adalah seperti menaiktaraf *scupper drain*, melaksanakan kerja pengorekan kelodak dan menyelenggara kolam takungan banjir, sungai dan parit induk. Selain itu, guni-guni pasir juga telah diletakkan di kawasan rendah untuk menahan limpahan air.

DBKL juga telah mempertingkatkan kawalan dan penyuraian trafik dikawasan hotspot banjir kilat dengan menempatkan jentera, petugas dan lebih 100 Warden Trafik DBKL. Warden Trafik DBKL telah bekerjasama dengan pihak Polis Trafik Kuala Lumpur bagi tujuan ini.

NO SOALAN: 4

Tindakan serta-merta juga meliputi pengisytiharan 4 kawasan Zon Bebas Sampah (*Litter Free Zone*) di Kuala Lumpur iaitu Jalan Bukit Bintang, Jalan Raja, kawasan Little India, Brickfields dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Lebih banyak lagi kawasan Zon Bebas Sampah di Kuala Lumpur akan diisytiharkan. Selaras dengan inisiatif ini, kempen Cuci KL yang merangkumi aktiviti *plogging* telah menjadi satu aktiviti rutin. Aktiviti ini melibatkan penyertaan komuniti setempat, badan bukan kerajaan, sekolah – sekolah dan agensi swasta.

DBKL juga telah menambah pekhidmatan *Mobile Integrated Service* (MOBIS) yang telah dibangunkan oleh DBKL dengan memasukkan perkhidmatan notifikasi maklumat cuaca semasa di Kuala Lumpur kepada semua pemilik telefon pintar yang memuat turun aplikasi ini.

Tindakan jangka pendek termasuklah menaiktaraf sistem saliran terutama di kawasan *hotspot* banjir, seperti memasang *flap gate* **dengan izin** di parit induk yang disalur ke sungai dan membina tembok penahan banjir. DBKL juga melaksanakan pemeriksaan komprehensif sistem saliran utama di bawah tanah yang melibatkan pembinaan *Inspection Chamber* bagi membolehkan *Visual Inspection* **dengan izin**, dapat dilaksanakan. Selain itu, DBKL telah mula menambah aset seperti kenderaan dan peralatan iaitu pam, jentera, vakum dan lori tangki air bagi membantu kawalan operasi banjir. Dari segi pengurusan air hujan di tapak-tapak pembinaan, DBKL telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan keatas pemaju berdasarkan arahan yang telah dikeluarkan kepada pihak perunding supaya memastikan perangkap kelodak di tapak diselenggara dengan baik bagi mengoptimumkan fungsinya.

Tindakan jangka sederhana yang dilaksanakan oleh DBKL adalah melibatkan 8 cadangan projek mitigasi banjir antaranya di Jalan Sultan Salahudin dan Bulatan Dato' Onn, sekitar Jalan Raja Mahadi, Sungai Toba, Segambut dan sistem saliran Jalan Kuching. Cadangan ini melibatkan kerja-kerja pembinaan kolam takungan bawah tanah dan kolam takungan terbuka dan menaiktaraf infrastruktur sistem perparitan sedia ada. Dalam masa yang sama, kita wajar melihat semula standard *Average Recurrence Interval* (ARI) 100 yang digunakan sekarang kepada ARI 200.

Sebagai **tindakan jangka panjang**, pembinaan terowong simpanan air bawah tanah berskala besar di Kuala Lumpur sedang dirancang untuk dibina di bawah jajaran sungai atau jalan raya sedia ada. Buat masa ini, DBKL sedang melantik juruperunding untuk melaksanakan kajian kesesuaian atau *feasibility study*, **dengan izin**, terhadap cadangan tersebut. Terowong simpanan air bawah tanah berskala besar ini telahpun dibina di beberapa bandar besar seperti Tokyo, Bangkok, Singapura dan Amsterdam, dan kita mengambil contoh terbaik sebagaimana bandar-bandar tersebut mengatasi masalah banjir di tempat mereka.

Saya yakin bahawa tindakan-tindakan yang sedang dan bakal dilaksanakan ini akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai ibunegara yang bebas dari banjir kilat, atau **dengan izin**, "*Kuala Lumpur a flash flood-free city*".

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN
TUN DR. MAHATHIR (JERLUN)**

TARIKH : 18 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR (JERLUN) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tidakkah Kerajaan mempunyai dasar untuk mengekalkan kependudukan masyarakat Melayu dalam perumahan yang selesa di Bandaraya Kuala Lumpur. Tidakkah lebih wajar penduduk di Kampung Sungai Baru, Kampung Baru dikekalkan di situ tetapi dengan perumahan mampu milik yang lebih sesuai dengan persekitaran bandaraya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai persoalan YB Jerlun sama ada mempunyai dasar untuk mengekalkan kependudukan masyarakat Melayu di Bandaraya Kuala Lumpur, suka saya tekankan di sini adalah menjadi aspirasi kerajaan untuk menyediakan dan merakyatkan perumahan yang lebih selesa kepada penduduk Kuala Lumpur tanpa mengira bangsa.

Bagi pembangunan Kuala Lumpur, semua pembangunan yang telah diberikan kebenaran merancang oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dikenakan syarat iaitu sekurang-kurangnya 30% unit atau ruang di dalam pembangunan hendaklah diperuntukkan kepada Bumiputera. Peratus ini adalah berdasarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mensasarkan peratus penguasaan Bumiputera dalam pemilikan hartanah sekurang-sekuranganya 30%. Buat masa kini, Kuala Lumpur masih mengekalkan sekurang-kurangnya 30% unit kediaman dan komersil hendaklah diperuntukkan kepada Bumiputera. Pendekatan adalah berbeza diperuntukkan kepada Bumiputera bagi setiap negeri bermula dengan 30% sehingga 70%.

Berdasarkan statistik bancian tahun 2020 yang mana 47.7% penduduk Kuala Lumpur adalah Bumiputera, sekiranya peratusan hartanah yang diperuntukkan kepada Bumiputera ditingkatkan, ini akan memberi lebih banyak peluang kepada Bumiputera termasuk orang Melayu memiliki hartanah di Kuala Lumpur. Oleh itu, adalah menjadi hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL bagi mengenakan syarat peratus pemilikan Bumiputera yang lebih tinggi iaitu sekurang-kurangnya mengikut peratusan kaum. Namun, harus diingat bahawa antara cabaran utama di dalam industri perumahan adalah ketidakmampuan membeli rumah mengikut harga pasaran, ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan rumah mengikut lokasi, kegagalan mendapatkan pembiayaan perumahan dan lain-lain lagi. Perkara ini juga telah dibincangkan dalam mesyuarat peringkat tertinggi Kementerian yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan mesyuarat telah bersetuju secara prinsip untuk meningkatkan peratusan ini dengan fleksibiliti iaitu antara 30% sehingga 47%. Walau bagaimanapun, kajian dan data adalah perlu sebelum sebarang keputusan

dilaksanakan bagi mewujudkan suasana '*Win Win Situation*' **dengan izin**, di antara pembeli dengan pemaju dan juga mengelak atau mengurangkan projek lewat siap atau terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi rumah mampu milik di bawah program Residensi Wilayah Keluarga Malaysia, agensi di bawah kementerian ini telah melaksanakan dasar Residensi Wilayah Keluarga Malaysia. Dasar ini memberi tumpuan kepada usaha membangunkan perumahan yang mampan, berdaya huni, berkualiti dan inklusif serta mampu dimiliki oleh rakyat dengan menambahbaik dasar terdahulu dari segi keluasan, spesifikasi dan ciri-ciri rumah, kualiti pembinaan, kadar kepadatan penduduk dan harga jualan.

Di bawah dasar Residensi Wilayah Keluarga Malaysia, penetapan syarat minimum kuota Bumiputera dikenakan bagi setiap projek Residensi Wilayah Keluarga Malaysia tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Setempat (OSC) adalah seperti berikut:

- i. 60 peratus kuota Bumiputera dikenakan keatas projek usaha sama antara agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dengan pemaju dan dilaksanakan atas tanah milik Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan; dan
- ii. 50 peratus kuota bumiputera dikenakan terhadap projek persendirian di atas tanah persendirian.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai persoalan YB Jerlun, tidakkah lebih wajar penduduk di Kampung Sungai Baru, Kampong Bharu dikekalkan di situ, saya ingin menjelaskan bahawa bagi isu Kampong Bharu, kawasan operasi Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu iaitu seluas 300.73 ekar merangkumi dua (2) kawasan. Kawasan yang pertama iaitu kawasan *Malay Agricultural Settlement* atau *M.A.S.* seluas 219.91 ekar yang mempunyai sekatan kepentingan yang mengekalkan pemilikan orang Melayu. Manakala baki iaitu kawasan yang kedua seluas 80.82 ekar

NO SOALAN: 14

adalah berada di luar kawasan *M.A.S.* termasuklah keseluruhan kawasan Sungai Baru yang tidak mempunyai sebarang sekatan pemilikan.

Dalam hal ini, bagi mana-mana pembangunan semula di luar kawasan *M.A.S.* tersebut, pemaju digalakkan menyediakan rumah gantian kepada pemilik asal di tapak bagi tujuan mengekalkan kependudukan pemilik yang majoritinya orang Melayu dan rumah mampu milik yang memberi keutamaan kepada waris-waris pemilik.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 18 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (KOTA RAJA) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah perkembangan terkini usaha Kementerian dalam menangani banjir besar yang melanda Lembah Klang khususnya di penghujung tahun lalu sehingga membawa kematian dan kemusnahan harta benda yang sangat besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) amat prihatin akan kejadian banjir melanda negara sejak kebelakangan ini dan bersimpati dengan kerugian yang dihadapi oleh mangsa-mangsa yang terlibat. Walau bagaimanapun, kita bersyukur **tiada** yang terkorban pada penghujung tahun lepas di kejadian banjir besar di Kuala Lumpur.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka sebuah pelan tindakan khas dalam tempoh interim bagi tujuan menangani banjir kilat di Kuala Lumpur dengan segera. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka sebuah **Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022** yang merangkumi tindakan serta merta, jangka pendek, sederhana dan panjang.

Tindakan serta-merta yang telah diambil di kawasan banjir kilat bagi memastikan kelancaran air adalah seperti menaiktaraf *scupper drain*, melaksanakan kerja pengorekan kelodak dan menyelenggara kolam takungan banjir, sungai dan parit induk. Selain itu, guni-guni pasir juga telah diletakkan di kawasan rendah untuk menahan limpahan air sungai.

DBKL juga telah mempertingkatkan kawalan dan penyuraian trafik di kawasan *hotspot* banjir kilat dengan menempatkan jentera, petugas dan lebih 100 Warden Trafik DBKL. Warden Trafik DBKL telah bekerjasama dengan pihak Polis Trafik Kuala Lumpur bagi tujuan ini.

Tindakan serta-merta juga meliputi pengisytiharan 4 kawasan Zon Bebas Sampah (*Litter Free Zone*) di Kuala Lumpur iaitu Jalan Bukit Bintang, Jalan Raja, kawasan Little India, Brickfields dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Lebih banyak lagi kawasan Zon Bebas Sampah di Kuala Lumpur akan diisytiharkan. Selaras dengan inisiatif ini, kempen Cuci KL yang merangkumi aktiviti *plogging* telah menjadi satu aktiviti rutin. Aktiviti ini melibatkan penyertaan komuniti setempat, badan bukan kerajaan, sekolah – sekolah dan agensi swasta.

DBKL juga telah menambah pekhidmatan *Mobile Integrated Service* (MOBIS) yang telah dibangunkan oleh DBKL dengan memasukkan perkhidmatan notifikasi maklumat cuaca semasa di Kuala Lumpur kepada semua pemilik telefon pintar yang memuat turun aplikasi ini.

Tindakan jangka pendek termasuklah menaiktaraf sistem saliran terutama di kawasan *hotspot* banjir, seperti memasang *flap gate* **dengan izin** di parit induk yang disalur ke sungai dan membina tembok penahan banjir. DBKL juga melaksanakan pemeriksaan komprehensif sistem saliran utama di bawah tanah yang melibatkan pembinaan *Inspection Chamber* bagi membolehkan *Visual Inspection* **dengan izin**, dapat dilaksanakan. Selain itu, DBKL telah mula menambah aset seperti kenderaan dan peralatan iaitu pam, jentera, vakum dan lori tangki air bagi membantu kawalan operasi banjir. Dari segi pengurusan air hujan di tapak-tapak pembinaan, DBKL telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan keatas pemaju berdasarkan arahan yang telah dikeluarkan kepada pihak perunding supaya memastikan perangkat kelodak di tapak diselenggara dengan baik bagi mengoptimumkan fungsinya.

Tindakan jangka sederhana yang dilaksanakan oleh DBKL adalah melibatkan 8 cadangan projek mitigasi banjir antaranya di Jalan Sultan Salahudin dan Bulatan Dato' Onn, sekitar Jalan Raja Mahadi, Sungai Toba, Segambut dan sistem saliran Jalan Kuching. Cadangan ini melibatkan kerja-kerja pembinaan kolam takungan bawah tanah dan kolam takungan terbuka dan menaiktaraf infrastruktur sistem perparitan sedia ada. Dalam masa yang sama, kita wajar melihat semula standard *Average Recurrence Interval* (ARI) 100 yang digunakan sekarang kepada ARI 200.

Sebagai **tindakan jangka panjang**, pembinaan terowong simpanan air bawah tanah berskala besar di Kuala Lumpur sedang dirancang untuk dibina di bawah jajaran sungai atau jalan raya sedia ada. Buat masa ini, DBKL sedang melantik juruperunding untuk melaksanakan kajian kesesuaian terhadap cadangan tersebut. Terowong simpanan air bawah tanah berskala besar ini telahpun dibina di beberapa bandar besar seperti Tokyo, Bangkok, Singapura dan Amsterdam, dan kita mengambil

contoh terbaik sebagaimana bandar-bandar tersebut mengatasi masalah banjir di tempat mereka.

Saya yakin bahawa tindakan-tindakan yang sedang dan bakal dilaksanakan ini akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang bebas dari banjir kilat, atau **dengan izin**, "*Kuala Lumpur a flash flood-free city*", Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
(SHAH ALAM)**

TARIKH : 18 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD (SHAH ALAM) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan Akta Pengambilan Tanah digunakan untuk projek pembinaan swasta seperti dalam kes Kampung Sungai Baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk pertanyaan YB Shah Alam yang meminta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan Akta Pengambilan Tanah yang digunakan untuk projek pembinaan swasta seperti dalam kes Kampung Sungai Baru, peruntukan undang-undang yang digunapakai adalah **seksyen 3(1)(b) dan (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]**.

Seksyen ini diperuntukkan kepada Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Perbadanan Negeri, Orang Perseorangan, dan Perbadanan atau Badan Korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] atau koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502] dalam melaksanakan permohonan pengambilan tanah untuk tujuan pembangunan ekonomi, perlombongan, kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian atau rekreasi di bawah Akta 486.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 18 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN (SEGAMBUT) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan secara terperinci perbelanjaan yang telah diperuntukkan untuk mewujudkan 24 Bit Hotspot Banjir di Kuala Lumpur, objektif, jumlah keseluruhan pegawai dan agensi yang terlibat serta keberkesanan bit tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif pewujudan 24 Bit *Hotspot* Banjir adalah bagi memastikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan serta-merta dengan menyelaras keperluan berkaitan sebagai persediaan menghadapi banjir kilat atau banjir jalan dan juga untuk membantu mengurangkan kesulitan yang dihadapi oleh warga kota apabila berlaku hujan lebat atau berterusan di Kuala Lumpur.

Seramai 482 petugas terdiri daripada 240 orang kakitangan DBKL dan 242 orang petugas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah ditugaskan untuk mengawasi 24 lokasi Bit *Hotspot* banjir setiap hari. Tugasan ini telah bermula sejak 2 Jun 2022 bagi tempoh tiga (3) bulan.

Bagi tujuan perbelanjaan segera untuk Bit *Hotspot* banjir, DBKL telah memperuntukkan sebanyak **RM3,017,600.00** merangkumi perbelanjaan untuk pembelian segera dan sewaan peralatan berkaitan seperti perincian berikut:

PERKARA	KOS PERBELANJAAN (RM)
Pembelian Pam dan hos 32 unit	233,600.00
Pembelian 2" <i>Submersible Pump</i> dan kelengkapan 40 unit	280,000.00
Pembelian 3" <i>Submersible Pump</i> dan kelengkapan 40 unit	320,000.00
Pembelian <i>High Pressure Cleaner</i> dan kelengkapan 32 unit	384,000.00
Sewaan Pam Diesel dan kelengkapan 28 unit	1,800,000.00
JUMLAH	3,017,600.00

NO SOALAN: 70

Dengan mewujudkan 24 Bit *Hotspot* Banjir ini, keberkesanan pengurusan banjir oleh DBKL telah meningkat. DBKL telah mampu bertindak sebagai, **dengan izin**, *first response team* atau pasukan pertama yang berada di lokasi apabila berlakunya kejadian banjir kilat atau banjir jalan di samping menyediakan kemudahan dan menyalurkan bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dari aspek keperluan makanan, perubatan, rawatan, penundaan kenderaan dan lain-lain bantuan awal dan segera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

TARIKH : 18 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan bagi memastikan banjir kilat tidak terjadi setiap kali hujan lebat. Banjir yang terlalu kerap berlaku telah menjejaskan imej negara dan wujud persepsi Kerajaan terlalu lemah dan tidak punyai idea untuk mentadbir sebuah bandar raya yang begitu kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Fenomena perubahan iklim global yang ekstrim telah mengundang berlakunya kejadian bencana banjir di Negara ini lebih-lebih lagi banjir kilat yang sering melanda Bandaraya Kuala Lumpur dan juga beberapa Bandaraya lain.

Contohnya semasa insiden hujan lebat yang berlaku pada 7 Mac 2022 sekitar jam 3 petang di Kuala Lumpur, kadar taburan hujan yang turun telah melebihi 100 milimeter per jam iaitu lebih 40 milimeter per jam di atas kadar hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir.

Sebagaimana yang kita tahu juga baru-baru ini bandar Sydney telah dilanda banjir yang membawa korban nyawa dan menyebabkan puluhan ribu penduduk diarahkan meninggalkan rumah mereka semalaman selepas air sungai naik dengan cepat melepasi paras bahaya.

Oleh itu apabila membincangkan fenomena banjir, adalah tidak wajar sekiranya Yang Berhormat mendakwa banjir yang kerap berlaku menjejaskan imej negara dan mewujudkan persepsi kerajaan terlalu lemah.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka sebuah **Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022** yang merangkumi tindakan serta merta, jangka pendek, sederhana dan panjang.

Tindakan serta-merta yang telah diambil di kawasan banjir kilat bagi memastikan kelancaran air adalah seperti menaiktaraf *scupper drain*, melaksanakan kerja pengorekan kelodak dan menyelenggara kolam takungan banjir, sungai dan parit induk. Selain itu, guni-guni pasir juga telah diletakkan di kawasan rendah untuk menahan limpahan air sungai.

DBKL juga telah mempertingkatkan kawalan dan penyuraian trafik dikawasan hotspot banjir kilat dengan menempatkan jentera, petugas dan lebih 100 Warden Trafik DBKL. Warden Trafik DBKL telah bekerjasama dengan pihak Polis Trafik Kuala Lumpur bagi tujuan ini.

Tindakan serta-merta juga meliputi pengisytiharan 4 kawasan Zon Bebas Sampah (*Litter Free Zone*) di Kuala Lumpur iaitu Jalan Bukit Bintang, Jalan Raja, kawasan Little India, Brickfields dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Lebih banyak lagi kawasan Zon Bebas Sampah di Kuala Lumpur akan diisytiharkan. Selaras dengan inisiatif ini, kempen Cuci KL yang merangkumi aktiviti *plogging* telah menjadi satu aktiviti rutin. Aktiviti ini melibatkan penyertaan komuniti setempat, badan bukan kerajaan, sekolah – sekolah dan agensi swasta.

DBKL juga telah menambah pekhidmatan *Mobile Integrated Service* (MOBIS) yang telah dibangunkan oleh DBKL dengan memasukkan perkhidmatan notifikasi maklumat cuaca semasa di Kuala Lumpur kepada semua pemilik telefon pintar yang memuat turun aplikasi ini.

Tindakan jangka pendek termasuklah menaiktaraf sistem saliran terutama di kawasan *hotspot* banjir, seperti memasang *flap gate* **dengan izin** di parit induk yang disalur ke sungai dan membina tembok penahan banjir. DBKL juga melaksanakan pemeriksaan komprehensif sistem saliran utama di bawah tanah yang melibatkan pembinaan *Inspection Chamber* bagi membolehkan *Visual Inspection* **dengan izin**, dapat dilaksanakan. Selain itu, DBKL telah mula menambah aset seperti kenderaan dan peralatan iaitu pam, jentera, vakum dan lori tangki air bagi membantu kawalan operasi banjir. Dari segi pengurusan air hujan di tapak-tapak pembinaan, DBKL telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan keatas pemaju berdasarkan arahan yang telah dikeluarkan kepada pihak perunding supaya memastikan perangkat kelodak di tapak diselenggara dengan baik bagi mengoptimumkan fungsinya.

Tindakan jangka sederhana yang dilaksanakan oleh DBKL adalah melibatkan 8 cadangan projek mitigasi banjir antaranya di Jalan Sultan Salahudin dan Bulatan Dato' Onn, sekitar Jalan Raja Mahadi,

Sungai Toba, Segambut dan sistem saliran Jalan Kuching. Cadangan ini melibatkan kerja-kerja pembinaan kolam takungan bawah tanah dan kolam takungan terbuka dan menaiktaraf infrastruktur sistem perparitan sedia ada. Dalam masa yang sama, kita wajar melihat semula standard *Average Recurrence Interval* (ARI) 100 yang digunakan sekarang kepada ARI 200.

Sebagai **tindakan jangka panjang**, pembinaan terowong simpanan air bawah tanah berskala besar di Kuala Lumpur sedang dirancang untuk dibina di bawah jajaran sungai atau jalan raya sedia ada. Buat masa ini, DBKL sedang melantik juruperunding untuk melaksanakan kajian kesesuaian terhadap cadangan tersebut. Terowong simpanan air bawah tanah berskala besar ini telahpun dibina di beberapa bandar besar seperti Tokyo, Bangkok, Singapura dan Amsterdam, dan kita mengambil contoh terbaik sebagaimana bandar-bandar tersebut mengatasi masalah banjir di tempat mereka.

Saya yakin bahawa tindakan-tindakan yang sedang dan bakal dilaksanakan ini akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang bebas dari banjir kilat, atau **dengan izin**, "*Kuala Lumpur a flash flood-free city*", Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**

TARIKH : 18 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan insentif bantuan bayaran sewa premis milik Perbadanan Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2022, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Perbadanan Labuan (PL) telah bersetuju memberikan pengecualian penuh sewa untuk seluruh premis niaga di Pasar Sentral Labuan dan premis-premis niaga sekitarnya untuk tempoh enam (6) bulan bermula 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 yang memberi manfaat kepada hampir 530 penyewa dengan implikasi kewangan RM560,000.00.

Insentif ini diteruskan dengan pemberian diskaun 50 peratus kadar sewa untuk tempoh 6 bulan bermula 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022 dengan implikasi kewangan berjumlah RM220,000.00.

Ini membuktikan walaupun Malaysia sudah bergerak ke peralihan ke fasa endemik, KWP dan PL masih lagi komited untuk membantu peniaga-peniaga kecil untuk terus bertahan dan sama-sama memajukan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR
A/L ARULANANDRAM (KUALA LANGAT)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM (KUALA LANGAT) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan projek-projek jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang yang dirancang untuk mengatasi masalah banjir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Berapa jumlah bajet yang diperuntukkan dan adakah apa-apa jawatankuasa khas diwujudkan untuk tujuan ini. Jika ya, siapakah ahli dalam Jawatankuasa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek bagi mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur adalah di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan (JPSWP). Ini kerana JPSWP bertanggungjawab menyenggara 10 sungai utama dan 20 kolam takungan banjir di Kuala Lumpur.

Bagi tujuan tersebut, JPSWP di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah menerima peruntukan tahun 2022 bagi penyenggaraan dan mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur sebanyak **RM83.62 juta**, merangkumi:

- (a) pemuliharaan sungai bagi mengurangkan risiko banjir (RM45.96 juta);
- (b) kerja-kerja kecemasan luar jangka, sebelum dan selepas banjir (RM3.2 juta);
- (c) kerja-kerja penyenggaraan kolam takungan banjir (RM1.8 juta);
- (d) program ramalan dan amaran banjir (RM2.8 juta);
- (e) rancangan tebatan banjir (RTB) di *Upper Klang* dan Sungai Bunus (RM10.5 juta); dan
- (f) penyenggaraan sungai (RM19.36 juta).

Walau bagaimanapun, susulan dari masalah-masalah banjir kilat yang berlaku, Jemaah Menteri pada 27 April 2022 telah memutuskan supaya DBKL menggunakan rizab sedia ada DBKL bagi melaksanakan kesemua projek dan program mitigasi banjir.

Projek-projek jangka pendek yang dirancang dan dilaksanakan oleh DBKL termasuk menaiktaraf sistem saliran terutama di kawasan *hotspot* banjir, memasang *flap gate* **dengan izin** di parit induk yang disalur ke sungai dan membina tembok penahan banjir. Perbelanjaan bagi projek-projek jangka pendek dianggarkan RM160 juta.

Bagi **projek-projek jangka sederhana**, DBKL bercadang untuk melaksanakan 8 projek mitigasi banjir antaranya, di Jalan Sultan Salahuddin dan Bulatan Dato' Onn, sekitar Jalan Raja Mahadi, Sungai Toba, Segambut dan sistem saliran Jalan Kuching. Cadangan ini melibatkan kerja-kerja pembinaan kolam takungan bawah tanah dan kolam takungan terbuka dan menaiktaraf infrastruktur sistem perparitan sedia ada. Perbelanjaan bagi projek-projek jangka sederhana dianggarkan RM345 juta.

Manakala bagi **projek jangka panjang**, DBKL sedang melantik juruperunding untuk melaksanakan kajian kesesuaian terhadap cadangan membina terowong simpanan air bawah tanah berskala besar. Takungan air bawah tanah ini telah dibina di beberapa bandar besar lain seperti Tokyo, Bangkok, Singapura dan Amsterdam. Kita mengambil contoh terbaik bandar-bandar tersebut dalam mengatasi masalah banjir di tempat mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan projek-projek mitigasi banjir kilat ini dapat dilaksanakan dengan mantap dan berkesan, satu **Task Force Mitigasi Banjir Kilat WPKL** telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh saya sendiri, dan dianggotai oleh YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Bandar Kuala Lumpur, pegawai-pegawai kanan Kementerian Wilayah Persekutuan dan jabatan-jabatan teknikal DBKL, serta Pengarah JPSWP.

Selain itu, wakil-wakil agensi yang berkaitan turut menganggotai Task Force ini seperti berikut:

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)
2. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
4. Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
5. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
6. Jabatan Kerja Raya (JKR)
7. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

8. Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)
9. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
10. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
11. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
12. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
13. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN
BIN AYUB (PULAI)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (PULAI) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jangkaan projek-projek pembinaan yang tergendala di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur akan dapat disiapkan, ekoran isu kesesakan jalan raya yang semakin serius yang turut disebabkan oleh projek-projek pembinaan yang masih tergendala.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 33 projek berskala besar yang masih terbengkalai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur disebabkan oleh pelbagai masalah terutamanya berkaitan aspek kewangan. Sebahagian besar projek-projek ini masih belum ada jangkaan bila akan disambung semula pembinaannya. Kini, terdapat 10 projek yang telah mengemukakan cadangan untuk meneruskan semula projek terbengkalai ini.

Tapak-tapak projek tergendala tersebut adalah dijaga dan diselenggara dengan baik oleh pemilik-pemilik serta dipantau oleh DBKL. Tapak-tapak projek terbengkalai ini dipasang papan dendeng (*hoarding*) bagi tujuan mengawal keselamatan awam. Justeru itu, tapak projek terbengkalai ini tidak menyumbang kepada kesesakan lalu lintas. Namun begitu, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan terus memantau serta mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat unsur-unsur yang boleh mendatangkan kesesakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L
M PARAMESWARAN (BATU)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN (BATU) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan peruntukan projek mitigasi banjir dan kemaskini 31 orang pegawai di setiap hotspot yang dikenal pasti dan apakah usaha Menteri bagi membantu penduduk Kg. Baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 482 petugas terdiri daripada 240 orang kakitangan DBKL dan 242 orang petugas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan 80 orang sukarelawan telah ditugaskan di 24 bit banjir untuk memantau di 31 lokasi *hotspot* banjir sedia ada setiap hari. Tugasan ini telah bermula sejak 2 Jun 2022 bagi tempoh tiga (3) bulan.

Projek-projek jangka pendek yang dirancang dan dilaksanakan oleh DBKL termasuk menaiktaraf sistem saliran terutama di kawasan *hotspot* banjir, memasang *flap gate* **dengan izin** di parit induk yang disalur ke sungai dan membina tembok penahan banjir. Perbelanjaan bagi projek-projek jangka pendek dianggarkan RM160 juta.

Bagi **projek-projek jangka sederhana**, DBKL bercadang untuk melaksanakan 8 projek mitigasi banjir antaranya, di Jalan Sultan Salahuddin dan Bulatan Dato' Onn, sekitar Jalan Raja Mahadi, Sungai Toba, Segambut dan sistem saliran Jalan Kuching. Cadangan ini melibatkan kerja-kerja pembinaan kolam takungan bawah tanah dan kolam takungan terbuka dan menaiktaraf infrastruktur sistem perparitan sedia ada. Perbelanjaan bagi projek-projek jangka sederhana dianggarkan RM345 juta.

Bagi membantu penduduk Kampong Bharu, DBKL telah mewujudkan bit *hotspot* banjir di Kampung Periuk dan mengadakan perancangan jangka sederhana iaitu 'Cadangan Mempertingkatkan Sistem Saliran di Sekitar Jalan Raja Mahadi', Kampong Bharu, Kuala Lumpur.

Mengenai permintaan Yang Berhormat bagi pengemaskinian 31 orang pegawai di setiap *hotspot*, maklumat yang telah dikemaskini adalah seperti berikut:

BIL	SENARAI <i>HOTSPOT</i> BANJIR	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	NO TELEFON
1	Jalan Antoi, Kepong (HS01)	Pejabat Cawangan Kepong	En. Nor Hizamudin bin Moktar Rudin	012-2898524

BIL	SENARAI HOTSPOT BANJIR	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	NO TELEFON
2	Jalan Pintasan, Segambut (HS02)	Jabatan Pengurusan Landskap dan Rekreasi	Puteri Khairul Fathiah binti Fahimudin	019-7105064
3	Jalan Sultan Azlan Shah (Hadapan Balai Polis Batu 3) (HS03)	Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	Muhammad Hafiz bin Mohd Arif	013-9889843
4	Jalan Rahmat (HS04)	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran	En.Zulkifli bin Idris	019-3714987
5	Lebuhraya Sultan Iskandar (Hadapan Parlimen) (HS05)	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	Mohamad Riduan bin Abdullah	013-3692844
6	Jalan Kuching (Sebelum Bulatan Segambut) (HS06)	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	Mohamad Riduan bin Abdullah	013-3692844
7	Jalan Segambut (Driving School) (HS07)	Pejabat Cawangan Segambut	Puan Azlinda bin Saidin	013-2683394
8	Bulatan Dato' Onn (HS08)	Jabatan Penguatkuasaan	PPj Nasarudin bin Daharun	011- 11035303
9	Dataran Merdeka (Hadapan Gereja)			
10	Sasana Kijang			
11	Lebu Ampang (HS09)	Jabatan Penguatkuasaan	PPj Mohd Hisham bin Hj Izhar	012-3177570
12	Jalan Brunei / Jalan Pudu (HS010)	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	Hasnah binti Hamzah	019-6352539

BIL	SENARAI HOTSPOT BANJIR	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	NO TELEFON
13	Jalan Changkat Thambi Dollah (HS011)	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	Tuan Hj Badrul Hisham bin Hj Baharuddin	019-2153603
14	Jalan Tun Sambathan (HS012)	Pejabat Cawangan Bukit Bintang	En. Ibnu Sina bin Termizi	012-2397497
15	Jalan Tun Sambathan (Berhampiran KTM)			
16	Jalan Travers (IPD Brickfields) (HS013)	Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	Izwan Razif bin Salehaped	019-6080708
17	Jalan Pantai Baharu (UM) (HS014)	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran	En. Bukhori bin Yahya	013-2434038
18	Jalan Maarof (Dataran Maybank) (HS015)	Jabatan Perancangan Bandaraya	Tuan Hj. Rosli bin Nordin	012-2539809
19	Jalan Maharajalela (Stesen Monorel) (HS016)	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	En. Redzuan bin Md Zeen	012-6229843
20	Jalan Semantan (H017)	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	En Mohd Shahrul Hafizi bin Abdul Raawi	018-6665489
21	Jalan Bruas (HS018)	Jabatan Perancangan Infrastruktur	En Mat Nawi bin Mat Daud	013-6647078

BIL	SENARAI HOTSPOT BANJIR	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	NO TELEFON
22	Kampung Pasir (HS019)	Pejabat Cawangan Lembah Pantai	En. Faizal bin Mahmod	016-2877327
23	Kampung Periuk (HS020)	Pejabat Cawangan Titiwangsa	Khairul Rizal Bin Che Johari	019-2445149
24	Kampung Kasipillay (HS021)	Pejabat Cawangan Batu	Norhida binti Sanusi	012-2826837
25	Jalan Dutamas 2 (HS022)	Jabatan Pengurusan Landskap dan Rekreasi	Puteri Khairul Fathiah binti Fahimudin	019-7105064
26	Jalan Sultan Haji Ahmad Shah (Jln. Khidmat Usaha)			
27	Jalan Ampang (Bukit Nenas) (HS023)	Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan	Mohd Noor Arsyam bin Suradi	012-3730845
28	Lebuhraya Sultan Iskandar (Menuju Jalan Kuching) (HS024)	Jabatan Pengangkutan Bandar	En Muhammad Azri bin Abdul Aziz	013-3001616
29	Lebuhraya Sultan Iskandar (Menuju ke Terowong Hantu)			
30	Hadapan Balai Polis Salak Selatan	Kejadian banjir kilat / air bertakung tidak lagi berlaku di lokasi ini. Walaubagaimanapun tindakan pemantauan dilakukan secara berterusan.		

BIL	SENARAI <i>HOTSPOT</i> BANJIR	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	NO TELEFON
31	Wangsamaju (Hadapan SMK Wangsamaju Sek. 2)	Kejadian banjir kilat / air bertakung tidak lagi berlaku di lokasi ini. Walaubagaimanapun tindakan pemantauan dilakukan secara berterusan.		

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK
WAI (CHERAS)**

TARIKH : 27 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah yang di ambil Kementerian untuk memantau dan memastikan pendatang asing tidak menjalankan aktiviti penjajaan dan perniagaan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan sertakan statistik bilangan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan dari Januari 2021 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi aktiviti penjajaan, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL)2016 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar(WPKL) 2016 yang digunapakai oleh DBKL telah menyatakan dengan jelas tiada lesen boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang bukan warganegara dan pemegang lesen juga tidak boleh mengambil pembantu bukan warganegara.

Undang-undang kecil yang berkaitan adalah seperti berikut :-

i. Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016

- i. 5(a) Tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah Undang- Undang Kecil ini kepada mana-mana orang bukan warganegara Malaysia
- ii. 14 (1) (b) Tiada pemegang lesen boleh mengambil bekerja mana-mana warga asing

ii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (WPKL) 2016

- i. 5(a) Tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini kepada mana-mana orang bukan warganegara Malaysia
- ii. 38 (1) (b) Tiada pemegang lesen boleh mengambil mana-mana pembantu warga asing di pasar awam

iii. **Undang-Undang Kecil Pasar Borong (WPKL) 2002**

- i. 16 (1) Seseorang pemborong tidak boleh mengambil bekerja mana-mana pembantu tanpa mendapat kelulusan bertulis Datuk Bandar terlebih dahulu.
- ii. (2) Sesuatu permohonan bagi suatu kelulusan di bawah perenggan (1) hendaklah -
 - a) dibuat secara bertulis kepada Datuk Bandar
 - b) menyatakan nama, alamat terbaru dan **nombor kad pengenalan** orang yang dicadangkan untuk di ambil bekerja; dan
 - c) disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport orang itu.

Jika pelesen-pelesen gagal mematuhi peraturan dan perundangan yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas termasuk tindakan sita dan membatalkan lesen perniagaan dan menamatkan kontrak perjanjian penyewaan gerai bagi pelesen yang menyewa pasar dan pusat penjaja DBKL.

Walau bagaimanapun bagi pelesenan premis perniagaan, DBKL membenarkan warga asing memohon lesen premis perniagaan mengikut Syarat-Syarat Permohonan Lesen Premis Perniagaan Oleh Pemohon Atau Syarikat Warganegara Asing kecuali 20 aktiviti perniagaan sama ada secara individu atau perkongsian.

Undang-undang kecil yang berkaitan adalah seperti berikut:-

- i. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.
- ii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.

Dalam syarat lesen premis perniagaan juga, DBKL telah menetapkan bahawa 50 peratus daripada pekerja syarikat yang berada di premis perniagaan mestilah warganegara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK
WAI (CHERAS)**

TARIKH : 27 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta **MENTERI WILAYAHPERSEKUTUAN** menyatakan berapa banyakkah permohonan yang telah diterima setakat ini untuk membangunkan semula flat lama di sekitar Kuala Lumpur dan berikan butiran tapak pembangunan semula yang dicadangkan untuk setiap kawasan Parlimen. Apakah kriteria utama dan syarat yang dikenakan untuk mendapat kelulusan dan adakah persetujuan 100% pemilik unit syarat wajib untuk mendapat kelulusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kementerian Wilayah Persekutan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima sejumlah 29 permohonan cadangan pembangunan semula flat-flat lama di Kuala Lumpur yang melibatkan 8 kawasan Parlimen.

Merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur, antara kriteria/syarat utama yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju adalah seperti berikut:

- i. Syarikat perlu mendapat sekurang-kurangnya 75% persetujuan awal penduduk/pemilik secara bertulis dan pengambilan tanah boleh dilaksanakan bagi baki yang tidak mendapat persetujuan;
- ii. Syarikat perlu menyediakan kajian kebolehlaksanaan projek (feasibility study);
- iii. Syarikat perlu menyediakan pelan perniagaan (business model);
- iv. Syarikat perlu menyediakan kaedah pemilikan tanah dan kaedah yang dipilih (tempoh cadangan penyelesaian dan skim pembiayaan);
- v. Syarikat perlu menyediakan cadangan mekanisme pembayaran pampasan/bayaran kepada penduduk; dan
- vi. Syarikat perlu menyediakan pelan susun atur cadangan yang komprehensif.

Kerajaan amat prihatin dan memandang serius kepentingan dan kesejahteraan keluarga Malaysia di Kuala Lumpur. Melalui Program Pembangunan Semula Kuala Lumpur yang dilaksanakan ini, diharap dapat memberi nafas baharu kepada kawasan-kawasan usang yang ketinggalan dari arus pembangunan Kuala Lumpur untuk dibangunkan sebagai kawasan yang berwajah baru, ceria dan berdaya saing dengan mempertingkatkan kualiti tempat tinggal dengan persekitaranyang lebih berkualiti melalui saiz unit yang lebih besar, infrastruktur yang lebih baik serta kemudahan masyarakat yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

TARIKH : 27 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan pelan perancangan pembangunan semula tanah-tanah di Salak Selatan mengikut PSKL 2040.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) telah mengenalpasti 139 kawasan yang berpotensi untuk pembangunan semula di Kuala Lumpur. Ini termasuklah kawasan *brownfield* dengan penggunaan yang kurang ekonomik, kawasan perumahan tidak berdaya huni serta kawasan industri lama. Di kawasan Salak Selatan, terdapat beberapa tapak yang telah dikenal pasti dalam Draf PSKL2040 antaranya Kuarters JKR Jalan Sungai Besi, Flat Taman Salak Selatan, Flat Taman Sungai Besi dan Taman Salak Jaya.

Berdasarkan Draf PSKL2040, tapak pembangunan semula perlu mematuhi kriteria berikut:

1. Keutamaan pembangunan bercampur yang saling melengkapi seperti kediaman, runcit, pejabat, perniagaan perkhidmatan dan kegunaan awam;
2. Pembangunan yang memberi penekanan pada kepentingan awam bagi tapak pemilikan kerajaan dan agensinya;
3. Prinsip pembangunan yang inklusif, saksama dan mengadakan perbincangan dengan pemegang taruh berkaitan;
4. Penyediaan perumahan berbentuk *mixed income* iaitu sekurang-kurangnya 30% daripada keseluruhan pembangunan, dengan memberi keutamaan kepada penduduk semasa tapak;
5. Penyediaan ruang niaga dan pejabat yang mampu biaya bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan;

6. Pengurangan piawaian tempat letak kereta bagi pembangunan semula di kawasan zon transit;
7. Penyediaan ruang hijau, tanah lapang dan kemudahan masyarakat yang bersepadu, berkualiti dan bersifat inklusif;
8. Penyediaan reka bentuk bangunan dan penggunaan teknologi yang mengurangkan impak terhadap aspek sosial, alam sekitar dan pengurusan bandar; dan
9. Penyediaan kajian impak sosial bagi tapak perumahan sedia ada dan kajian impak alam sekitar bagi tapak industri sedia ada serta juga kajian impak trafik bagi mengambil kira cadangan pembangunan.
10. Keperluan mendapatkan persetujuan sebahagian besar pemilik asal.
11. Memastikan pulangan yang terbaik kepada pemilik asal dan memastikan pemaju yang berwibawa untuk melaksanakan pembangunan semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI
BIN MOHAMED FADZIL
(LEMBAH PANTAI)**

TARIKH : 27 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL (LEMBAH PANTAI) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang meningkatkan jumlah bas percuma GOKL serta mewujudkan laluan khas bagi bas di Kuala Lumpur bagi menggalakkan lebih ramai warga Lembah Klang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam dengan lebih selesa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Bas Percuma GOKL telah beroperasi di sebelas (11) laluan di Kuala Lumpur iaitu empat (4) laluan *Last Mile* dan tujuh (7) laluan *First Mile*. Kekerapan bas adalah dari 5 minit hingga 8 minit di waktu puncak dan 15 minit hingga 30 minit di luar waktu puncak dengan melibatkan 60 buah bas beroperasi iaitu 33 buah bas *Electric Vehicle* (EV) dan 27 buah bas diesel.

Penggunaan bas EV dijangka dapat beroperasi sepenuhnya menjelang awal tahun 2023. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Wilayah Persekutuan telah menetapkan bahawa dua (2) laluan baharu perlu diwujudkan setiap tahun dan dijangka akan mula dilaksanakan pada awal Januari 2023. Dengan bertambahnya 2 laluan baharu, dijangkakan penambahan sepuluh (10) buah bas GOKL diperlukan dan akan menjadikan jumlah bas yang beroperasi sebanyak 70 buah untuk tahun 2023.

Pewujudan laluan baharu bertujuan untuk memastikan hala tuju Kuala Lumpur kearah membentuk jaringan pengangkutan awam yang bersepadu. Ini dilaksanakan melalui kerjasama kolektif dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Kementerian Pengangkutan dan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas percuma GOKL adalah seramai 3.1 juta orang, dari bulan Januari 2022 sehingga Mei 2022, berbanding dengan tahun 2019 iaitu seramai 19 juta orang.

Dalam masa yang sama, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menaiktaraf lorong-lorong bas sedia ada di jalan-jalan utama seperti Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Laut dan Jalan Dang Wangi. Kerja-kerja menaik taraf lorong bas ini juga akan turut diperluaskan ke jalan-jalan utama yang lain di sekitar ibu kota. Kerja-kerja seperti mengecat semula lorong bas dan memasang papan tanda sedang dilaksanakan oleh kontraktor dan dijangka siap pada pertengahan bulan Ogos 2022.

DBKL kini sedang bekerjasama dengan Prasarana dalam menjalankan kajian mengenai tahap keberkesanan penggunaan lorong bas sedia ada secara maksima dari segi tempoh masa perjalanan bas untuk tiba ke destinasi. Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memastikan tempoh masa ketibaan sesebuah bas dapat dicapai mengikut jadual yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**

TARIKH : 2 OGOS 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status terkini 'Labuan Development Blueprint 2030', adakah perancangan dan intipati yang terkandung di dalam pelan ini masih digunapakai dan adakah ianya berjalan mengikut perancangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Labuan Development Blueprint 2030* atau Blueprint Pembangunan Labuan 2030 yang telah dilancarkan pada Tahun 2018 masih relevan dan diguna pakai sehingga kini. Buat masa ini pelan pembangunan dibawah *blueprint* ini sedang berjalan mengikut perancangan.

Pelan tindakan pembangunan ini telah menggariskan 5 hala tuju utama yang sedang diikuti iaitu :

- i. Pengukuhan sektor perkhidmatan kewangan di Wilayah Persekutuan Labuan melalui transformasi dan rasionalisasi yang sedang dilaksanakan oleh Labuan *Financial Services Authority* (FSA) sebagai agensi peneraju.
- ii. Penjanaaan pertumbuhan ekonomi Pulau Labuan menerusi sektor minyak dan gas.
- iii. Menjadikan sektor pelancongan menjadi salah satu sumber dan pemacu ekonomi Pulau Labuan.
- iv. Menjadikan sektor pendidikan dan perkhidmatan awam sebagai penyumbang yang penting kepada pertumbuhan ekonomi dan penduduk serta pembangunan modal insan di Wilayah Persekutuan Labuan.
- v. Mendapatkan insentif kewangan bagi cadangan program dan projek yang boleh dilaksanakan segera.

Berdasarkan kepada status pembangunan projek fizikal, sehingga kini terdapat 22 projek yang dikenalpasti selaras dengan pelan tindakan yang telah dilaksanakan dan dalam perancangan yang mana 10 projek telah siap, 10 projek dalam fasa pelaksanaan dan 2 projek dalam perancangan yang mana projek-projek tersebut dilaksanakan oleh Perbadanan Labuan serta pelbagai agensi di WP Labuan dengan anggaran kos pembangunan berjumlah RM450 juta.

Antara projek yang telah siap dilaksanakan adalah seperti pembinaan Medan Selera baharu untuk menyokong pelancongan gastronomi serta pembinaan jalan raya pesisir pantai untuk meningkatkan jaringan perhubungan serta untuk kesejahteraan warga WP Labuan. Di samping itu terdapat projek-projek yang kini dalam peringkat pelaksanaan seperti projek usahasama Perbadanan Labuan dengan swasta untuk membangunkan pusat pelancongan dan rekreasi Pulau Rusukan Besar selain projek naik taraf tapak pelupusan sampah yang sedang dilaksanakan.

Seiring dengan visi menjadikan Labuan sebagai “*Smart & Sustainable Island City*”, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menyediakan kerangka bandar pintar melalui Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan Labuan yang kini sedang dimuktamadkan.

Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan pelan tindakan bandar pintar yang membantu KWP merancang dan menentukan projek keutamaan berkaitan pelaksanaan projek sepertimana yang sedang dilaksanakan seperti projek *Smart City Labuan* selain mengambilkira projek yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang menerapkan elemen pintar dalam sistem penyampaian perkhidmatan. Ini sekaligus menyokong segmen ekonomi digital dalam pelbagai sektor ekonomi berasas *Internet Of Things (IOT)*.

Secara keseluruhannya, Blueprint Pembangunan Labuan 2030 yang disediakan pada masa ini dalam fasa pelaksanaan dan menjadi asas kepada permohonan projek bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) oleh setiap agensi di Wilayah Persekutuan Labuan. Selain itu, ianya menjadi dokumen rujukan utama kepada pelabur-pelabur asing untuk melihat potensi yang terdapat di WP Labuan. Bagi menyelaraskan pembangunan sehingga 2040, Blueprint Pembangunan Labuan turut menjadi asas rujukan kepada penyediaan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan dalam Kajian Rancangan Pemajuan 2040 yang kini masih dalam peringkat penyediaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

TARIKH : 2 OGOS 2022 (SELASA)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meluluskan tapak perniagaan kepada orang tengah untuk disewakan kepada penjaja dengan kadar sewaan yang tinggi dan adakah Kementerian bersetuju bahawa ini merupakan satu eksploitasi terhadap penjaja dan perlu dihentikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak akan bertolak ansur atau berkompromi dengan mana-mana individu yang didapati menyewakan semula (*sublet*) unit gerai milik DBKL kepada pihak ketiga di sekitar ibu negara. Tindakan tegas akan diambil dengan membatalkan tawaran penyewaan dan lesen terhadap isu *sublet* ini. DBKL telah membatalkan lesen penjaja bagi kes '*sublet*' bagi tahun 2021 sebanyak 23 kes manakala bagi tahun 2022 sehingga Jun sebanyak 8 kes.

Di antara aktiviti yang dibenarkan oleh DBKL bagi aktiviti penjajaan yang dianjurkan oleh pihak persatuan/NGO yang mengenakan caj-caj perkhidmatan kepada peniaga tertentu adalah seperti Bazar Ramadhan dan tapak Food Truck.

KWP tidak pernah membenarkan aktiviti eksploitasi dilakukan terhadap penjaja kerana ia bertentangan dengan prinsip Undang-Undang Kecil Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016 di mana seseorang pemegang lesen tidak boleh menyerah hak, memajak, menyewa atau menyewa kecil petak yang diperuntukkan kepadanya kepada mana-mana orang dan dianggap melakukan suatu kesalahan. KWP melalui DBKL akan terus melaksanakan penguatkuasaan bagi membendung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI (LUMUT)**

TARIKH : 2 OGOS 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI (LUMUT) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menarik balik penggunaan peruntukan Kanun Tanah Negara dalam pengambilan semula hartanah di Kg Sg Baru di Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan undang-undang yang terlibat didalam pengambilan tanah di Kampong Sungai Baru, Kampong Bharu adalah seksyen 3(1)(b) dan (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] dan bukannya Kanun Tanah Negara.

Projek pembangunan semula ini telah mendapat persetujuan sebahagian besar penduduk kawasan terbabit, dan perjanjian usaha sama telah pun ditandatangani di antara 192 petak rumah pangsa dan 27 unit rumah teres dengan pihak pemaju.

Pengambilan tanah telah dilaksanakan ke atas pemilik-pemilik tanah yang tidak menandatangani usaha sama dengan pemaju seramai 37 lot teres dan 72 unit flat.

Urusan pengambilan tanah adalah berlandaskan peruntukan undang-undang yang jelas, maka pampasan yang mencukupi telah digunakan berdasarkan nilai yang diberikan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah (JPPH). Namun begitu, pihak yang terkilan terhadap nilai pampasan ini masih boleh merayu kepada mahkamah, dan mahkamah akan menilai semula pampasan yang bersesuaian kepada perayu.

Berdasarkan kepada senario semasa di mana majoriti penduduk di Kampong Sungai Baru bersetuju dengan pembangunan semula yang telah dirancang, maka proses pengambilan tanah ke atas hakmilik yang terlibat akan diteruskan. Walau bagaimanapun, rundingan dengan pihak tidak bersetuju masih lagi diteruskan.

Kementerian ini tidak mempunyai kuasa atau *locus standi* untuk menarik balik pengambilan tanah bagi projek tersebut. Penarikan balik pengambilan tanah hanya boleh dilakukan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) di bawah subseksyen 35(1) dalam Akta tersebut bagi mana-mana tanah yang masih belum diambil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**

TARIKH : 2 OGOS 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status terkini pembinaan jambatan Labuan-Menumbok yang sepatutnya telah dimulakan pada bulan ini seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mula menjalankan proses *Request for Proposal* (RfP) dengan pelantikan urus setia dan jawatankuasa yang terlibat bermula daripada penyediaan dokumen RfP sehingga penyediaan terma perjanjian kepada pembida berjaya.

Iklan bagi RfP ini telah bermula dari 26 April 2021 hingga 30 Ogos 2021 dan telah dilanjutkan sehingga 1 November 2021. Pihak Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menerima cadangan daripada tiga (3) syarikat pembida dan proses penilaian teknikal dan komersial telah diadakan pada bulan Januari-Februari 2022 dan keputusan penilaian telah diperakukan di peringkat Jawatankuasa Pemandu RfP pada 3 Mac 2022.

Keputusan *Request for Proposal* (RfP) Cadangan Pembinaan Jambatan Labuan-Sabah secara Kerjasama Awam-Swasta telah dibentangkan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kerja Raya kepada Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri pada 29 Julai 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
(SHAH ALAM)**

TARIKH : 2 OGOS 2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD (SHAH ALAM) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapa Stadium KL Cheras terus diletak di bawah Syarikat Arcadin Services Sdn. Bhd. sedangkan ia tiada kena mengena dengan KLFA dan KL City FC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Arcadin Services Sdn. Bhd. (Arcadin) merupakan syarikat yang telah dilantik bagi melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan terhadap Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur melalui perjanjian penyewaan yang dibuat antara syarikat tersebut dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL) pada 1 Julai 2021.

Sebelum perjanjian penyewaan tersebut ditandatangani, pada ketika itu, Arcadin merupakan pemegang saham KLUFC sebanyak 50%, manakala baki 50% lagi dimiliki oleh KLFA, melalui perjanjian pemindahan saham antara kedua-dua pihak terbabit yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2021.

Buat masa ini, memandangkan perkara tersebut masih lagi dalam peringkat pengurusan kes di Mahkamah Tinggi, dan perlu menunggu keputusan mahkamah. Oleh itu, kepentingan Arcadin dalam perjanjian dengan KLFA adalah berkekalan, melainkan mahkamah memutuskan perjanjian tersebut terbatal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**

TARIKH : 2 OGOS 2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk menggalakkan golongan yang bekerja di Kuala Lumpur untuk berpindah menetap di Kuala Lumpur bagi mengurangkan masalah kesesakan dan pengeluaran karbon yang disebabkan oleh perjalanan ke tempat kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk menggalakkan golongan yang bekerja di Kuala Lumpur untuk berpindah menetap di Kuala Lumpur adalah selaras dengan perancangan KWP memperkenalkan program baharu *Council Home* iaitu rumah untuk disewa sebagai transit bagi membantu golongan berpendapatan rendah B40 menyewa dalam kadar kemampuan sebelum mereka mampu membeli rumah sendiri. KWP mensasarkan pembinaan sebanyak 5,000 unit *Council Home* dalam tempoh 5 tahun (2022 hingga 2027). Sehingga bulan April tahun ini, sebanyak 7 tapak telah dikenal pasti untuk pembinaan *Council Home* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan projek yang siap sepenuhnya adalah di Sungai Udang, Segambut berjumlah 1,251 unit.

KWP juga melalui DBKL sedang melaksanakan serta merancang tempat tinggal untuk sewaan dengan kadar sewaan yang rendah di ibu kota kepada golongan miskin bandar dan golongan belia, iaitu inisiatif *Micro Housing* yang mensasarkan 500 unit siap dalam 3 tahun dari tahun 2021 hingga tahun 2023. Sehingga Jun 2022, 311 ruang katil individu kepada penyewa bujang dengan sewa RM100 sebulan yang telah siap dibina di Jalan Tunku Abdul Rahman. *Micro Housing* juga terdapat di Bandar Baru Utara, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur yang mempunyai sebanyak 112 bilik dengan 224 katil yang dibuka untuk sewaan kepada pekerja pasar borong, pasar harian dan kawasan sekitar.

Selain itu, KWP juga melaksanakan program Rumah Mampu Milik (RMM) Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama pemaju swasta khusus untuk golongan M40 memiliki rumah sendiri dengan harga jualan tidak melebihi RM300,000 seunit berkeluasan minima 800 kps. Program RWKM ini boleh menarik golongan yang bekerja di Kuala Lumpur untuk menetap di Kuala Lumpur. Ini kerana syarat permohonan RWKM yang dinyatakan adalah pemohon mesti dilahirkan atau menetap atau bekerja di Wilayah Persekutuan.

Dari aspek trafik dan kesesakan lalu lintas, DBKL berusaha untuk menyelaraskan perkhidmatan pengangkutan awam serta infrastruktur yang lebih teratur seperti penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam seperti Bas GoKL termasuk kempen-kempen secara berterusan bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

Selain itu, DBKL juga akan melakukan penambahbaikan jajaran *1st mile* dan *last mile* bagi semua pengangkutan awam demi kemudahan warga kota disamping menguatkuasakan semula infrastruktur laluan lorong bas sedia ada di pusat bandar.

Seterusnya penyelarasan integrasi antara konsesi lebuh raya dan penyuraian trafik yang lebih berkesan serta penambahan infrastruktur sokongan seperti *underpass/underground* dan juga *covered walkway (pedestrian friendly)*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah kutipan kompaun atau saman pelbagai kesalahan yang diperoleh oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) secara tahunan sejak 2019 dan bagaimanakah hasil kutipan ini dibelanjakan dan apakah manfaat yang diperoleh oleh rakyat Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan kompaun atau saman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah seperti berikut :-

TAHUN	KUTIPAN (RM)
2019	13,653,642
2020	8,194,340
2021	3,350,436
2022 (Sehingga 30 Jun)	3,370,474

Kompaun terdiri daripada kompaun trafik dan kompaun am. Pengurangan kutipan kompaun daripada tahun 2020 sehingga 2021 adalah kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jumlah kutipan kompaun hanyalah kurang dari 1% dari keseluruhan hasil DBKL. Hasil daripada kutipan kompaun ini dimasukkan ke dalam kumpulan wang disatukan yang seterusnya digunakan untuk pelbagai perbelanjaan mengurus atau operasi seperti pengurusan trafik, penyelenggaraan jalan, pembersihan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.